

21 JAN 2001

Mahathir-Penggiliran

MAHATHIR MASIH FIKIRKAN PENGGILIRAN JAWATAN KETUA MENTERI SABAH

KOTA KINABALU, 21 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau masih memikirkan sama ada untuk mengekalkan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

"Saya belum menetapkan fikiran saya lagi," katanya kepada pemberita ketika singgah sebentar di sini dalam perjalanan balik ke ibu negara selepas mengakhiri lawatan di Osaka, Jepun.

Ketika ditanya sama ada sistem itu akan diteruskan, beliau berkata: "setakat ini sistem itu masih dilaksanakan".

Apabila ditanya sama ada wakil dari Bumiputera bukan Islam akan diberi peluang memegang jawatan Ketua Menteri sekiranya sistem penggiliran itu diteruskan, Dr Mahathir berkata: "ya...ya...(tapi) kalau kita cerita (semuanya sekarang), tak adalah (yang perlu diberitahu kemudian)."

Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri dilaksanakan sejak Barisan Nasional mengambil alih tampuk pemerintahan kerajaan negeri pada Mac 1994.

Sistem itu bagi membolehkan pemimpin tiga kaum utama - Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam - dilantik sebagai Ketua Menteri secara bergilir, masing-masing bagi tempoh dua tahun.

Beberapa pihak di Sabah kebelakangan ini bagaimanapun berpendapat sudah sampai masanya kajian semula dilakukan terhadap sistem itu bagi menilai sama ada ia perlu diteruskan atau sebaliknya.

Jawatan Ketua Menteri kini disandang Datuk Osu Sukam yang mewakili Bumiputera Islam dan jika sistem itu diteruskan, tempoh beliau akan berakhir kira-kira dua bulan dari sekarang.

Ketika ditanya lebih lanjut mengenai bagaimana sistem itu akan diteruskan memandangkan tempoh Ketua Menteri sekarang ini tidak lama lagi, Dr Mahathir berkata: "kita sedang memikirkannya..."

-- BERNAMA

NT RON